

**Muhyiddin: Afghanistan Mahu Malaysia Salur Bantuan Dalam Proses Pemulihan Negara**  
**Bernamea**  
**26 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 26 Julai (Bernama) -- Afghanistan mahu mendapatkan bantuan dan sokongan Malaysia dalam proses pemulihan dan pembangunan negara itu, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin Khamis.

Muhyiddin, yang juga Menteri Pelajaran, berkata mesej itu disampaikan kepadanya oleh Menteri Pengajian Tinggi Afghanistan Prof Dr Obaidullah Obaid yang dalam lawatan lima hari ke Malaysia.

Beliau berkata Afghanistan, yang dilanda peperangan dan mengorbankan ratusan ribu orang dengan hampir seluruh sistem sosial dan ekonomi negara itu musnah, kini dalam proses pemulihan.

Katanya Obaidullah datang ke Malaysia dengan hajat yang besar iaitu untuk mendapatkan sokongan moral dan material khususnya dalam bidang pendidikan, teknikal, latihan ketenteraan dan kepolisan.

"Ini membuktikan mereka (Afghanistan) memandang tinggi terhadap keupayaan Malaysia," katanya pada majlis perasmian Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9 (2) di sini hari ini.

Pada majlis yang sama, beliau berbuka puasa bersama kira-kira 1,000 warga pendidik, pelajar dan ibu bapa serta menyampaikan sumbangan kepada 50 pelajar dari lima buah sekolah di sekitar Kajang dan Putrajaya.

Hadir sama pada majlis itu ialah isteri Muhyiddin, Puan Sri Norainee Abdul Rahman, Timbalan Menteri Pelajaran Datuk Dr Wee Ka Siong dan Anggota Parlimen Putrajaya Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Di sebelah pagi, Muhyiddin menerima kunjungan hormat Obaidullah yang mewakili Presiden Hamid Karzai.

Beliau berkata Obaidullah juga memuji Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang boleh dicontohi dan diharapkan oleh negara lain di dunia.

"Inilah keistimewaan Malaysia dan kita harus berbangga dengan suasana aman yang dinikmati sebegini yang harus dikekalkan," katanya.

Muhyiddin juga mengingatkan rakyat Malaysia supaya sentiasa bersyukur kerana dapat menyambut Ramadan secara aman dan tidak seperti di negara lain yang dilanda pergolakan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683514>



